




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

e- BULETIN EKSA PMBS

Edisi Pertama



e-Buletin EKSA PMBS

Edisi Pertama, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak

eISSN: 2948-3840

<https://www.pmbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=82:e-buletin-eksa-pmbs-edisi-pertama>

Published by:

Politeknik METrO Betong Sarawak

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong

Jalan Baru Betong,

95700, Betong, Sarawak

PENAUNG

Encik Suhaili bin Aleh

PENASIHAT

Puan Siti Syuhaila binti Zahari

EDITOR

Puan Clarina anak Rehat

Encik Budi bin Syaripuddin

Cik Jessica anak Jawa

Puan Ruzaini binti Abd Razak

Cik Fazika binti Hamid

Encik Rossi Gundie anak Julius

Encik Anderian Baling anak Piang

Puan Emilyn anak Nojen

Puan Evelyn anak Frankling Tegik

GRAFIK & SENI REKA

Cik Aren Lah Keping

ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SIDANG REDAKSI	i
	ISI KANDUNGAN	ii-iv
	KATA ALUAN	v
	SINGKATAN PERKATAAN	vi
1.0	Pengenalan	1
1.1	DASAR, POLISI, VISI, DAN MISI EKSA	1
1.2	OBJEKTIF EKSA	1
1.3	SLOGAN EKSA PMBS	1
1.4	LOGO EKSA PMBS	2
1.5	CARTA ORGANISASI INDUK EKSA PMBS	2

ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
2.0	PELAKSANAAN EKSA DI PMBS	3
2.1	Pengenalan EKSA	3
2.2	Objektif Penjenamaan Semula EKSA	4
2.3	Tatacara Pelaksanaan di Institusi	5
2.4	Pembudayaan EKSA di PMBS	6-7
3.0	Pengurusan Pelaksanaan EKSA	8
3.1	Aktiviti Jawatankuasa Promosi	8-12
3.2	Aktiviti Jawatankuasa Latihan	12-14
3.3	Aktiviti Pasukan Audit	15
3.4	Sorotan Aktiviti-Aktiviti ke Arah Pensijilan Semula EKSA	16-33

ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
4.0	PENSIJILAN SEMULA EKSA 2021	34-36
5.0	PENUTUP	37
6.0	RUJUKAN	38

KATA ALUAN

Saya bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) berjaya diterbitkan. Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Buletin EKSA yang telah bertungkus lumus menebitkan buletin ini.

Tahniah kepada seluruh Jawatankuasa EKSA 2019-2021 serta seluruh warga PMBS yang telah bertungkus-lumus sehingga PMBS berjaya mendapat status cemerlang bagi Persijilan Semula EKSA bagi tahun 2021.

Buletin ini mengandungi perjalanan pelaksanaan EKSA pada tahun 2019 sehingga tahun 2021 ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif di samping menggalakkan warga PMBS lebih inovatif seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Di dalam buletin ini terdapat perincian pelbagai program dan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan dengan baik serta mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Akhir kata, teruskan usaha murni tuan-tuan dan puan-puan dalam melaksanakan EKSA. Semoga PMBS akan terus cemerlang dalam menjayakan EKSA dan menjadi contoh ikutan yang terbaik buat semua agensi awam yang lain.



SUHAILI BIN ALEH
Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak

SINGKATAN PERKATAAN

PMBS – Politeknik METrO Betong Sarawak

EKSA – Ekosistem Kondusif Sektor Awam

5S – Sisi, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal


MAMPU – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia

E-Poster – Poster elektronik

Bil. - Bilangan

SELAMATKAN BUMI

ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENCARI LALUAN BAGI
MELETAKKAN KULIT PISANG KE DALAM TONG SAMPAH



PENGENALAN

1.1 DASAR, POLISI, VISI DAN MISI EKSA

DASAR

Membudayakan EKSA untuk mewujudkan amalan kerja yang produktif dan kondusif.

VISI

Ke arah membudayakan EKSA dalam kalangan warga PMBS

POLISI

PMBS komited dalam membudayakan persekitaran kerja yang berkualiti, kondusif, dan kreatif ke arah meningkatkan produktiviti dan memenuhi kepuasan pelanggan.

MISI

Mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti dan produktif melalui amalan EKSA dalam kalangan warga PMBS

1.2 OBJEKTIF EKSA

1. Meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan kerja secara berterusan.
2. Mewujudkan imej korporat melalui persekitaran kondusif.
3. Merangsang daya kreativiti dan inovasi warga PMBS.
4. Membudayakan amalan hijau dalam organisasi.

1.3 SLOGAN EKSA PMBS

P PRAKTIKAL

M MESRA

B BERSIH

S SELESA

1.4 LOGO EKSA PMBS




Huruf EKSA berwarna merah melambangkan keberanian dan kesungguhan warga dalam menyokong misi dan visi PMBS.

Lingkar logo yang berbentuk pokok dengan daun lada hitam mengalakkan pembudayaan Amalan Hijau di kalangan warga PMBS.

Slogan PRAKTIKAL, MESRA, BERSIH, SELESA memelihara dan menyokong tanggungjawab yang diamanahkan.

1.5 CARTA ORGANISASI INDUK EKSA PMBS



2. PELAKSANAAN EKSA DI PMBS

2.1 PENGENALAN EKSA

EKSA merupakan penjenamaan semula Amalan 5S dengan penambahbaikan lima (5) elemen baharu bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Antara lima elemen baharu ialah:-


IMEJ KORPORAT

KREATIVITI DAN INOVASI

AMALAN HIJAU

PERSEKITARAN KONDUSIF

KEPELBAGAIAN AGENSI



Penjenamaan semula Amalan 5S sesuai serta seiring dengan perubahan dan kehendak semasa bagi meningkatkan prestasi dan daya saing PMBS disamping memupuk budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga PMBS.



2.2 OBJEKTIF PENJENAMAAN SEMULA EKSA



OBJEKTIF PENJENAMAAN SEMULA EKSA ADALAH UNTUK :

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA BERKUALITI

MENINGKAT KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN ORGANISASI

MENGENALPASTI, MENGURANG & MENGHAPUSKAN PEMBAZIRAN

MENINGKATKAN SEMANGAT ESPRIT DE CORP

MENINGKATKAN DISIPLIN WARGA JABATAN

MENINGKATKAN MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pelaksanaan EKSA di PMBS dirancang dengan teliti bagi memastikan EKSA dapat dijalankan dengan berjaya. Kejayaan amalan ini memerlukan komitmen dan Kerjasama pihak pengurusan atasan dan semua warga kerja PMBS.



2.3 TATACARA PELAKSANAAN EKSA DI INSTITUSI

Pelaksanaan EKSA di PMBS melalui peringkat yang berikut:-

PERINGKAT 1

- Mengadakan kursus pemahaman EKSA kepada warga PMBS.
- Mendapatkan komitmen sepenuhnya pihak pengurusan untuk melaksanakan EKSA.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana, Jawatankuasa Kerja Ketua Zon EKSA.
- Menghebahkan tanggungjawab jawatankuasa

PERINGKAT 2

- Mempromosikan EKSA melalui Majlis Pelancaran EKSA dan melaksanakan Gotong – Royong Perdana
- Menyediakan buku garis panduan EKSA

PERINGKAT 3

- Mengadakan kursus kepada Juruaudit Dalaman EKSA.
- Menjalankan audit dalaman EKSA.

PERINGKAT 4

- Memberi pengiktirafan EKSA secara berkala kepada Zon Terbaik dan warga EKSA terbaik.
- Mendapat pensijilan EKSA daripada pihak MAMPU
- Mengekalkan pengiktirafan EKSA daripada MAMPU



2.4 PEMBUDAYAAN EKSA DI PMBS

2.4.1 PENSIJILAN PERTAMA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

- Pensijilan EKSA Pertama PMBS berkuatkuasa pada 1 November 2019 dan sah selama 2 tahun.
- Audit telah dijalankan oleh pihak MAMPU Sarawak pada 9 Oktober sehingga 11 Oktober 2019 selama 3 hari. Seramai tiga auditor telah dilantik daripada pihak MAMPU Sarawak untuk menjalankan pemeriksaan komponen-komponen wajib bagi pensijilan EKSA PMBS.
- Ini adalah untuk membudayakan persekitaran kerja yang berkualiti, kondusif dan kreatif ke arah meningkatkan produktiviti dan memenuhi kepuasan pelanggan.



TPP/C/2019/0351



MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

telah memenuhi keperluan kriteria komponen

**EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
(EKSA)**

Kategori : BAIK

Tarikh dikeluarkan : 1 November 2019
Sah sehingga : 31 Oktober 2021




DATO' DR. MAZLAN YUSOFF
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

3. PENGURUSAN PELAKSANAAN EKSA DI PMBS



PMBS komited dalam mengamalkan budaya kerja produktif, inovatif dan kreatif serta persekitaran yang kondusif bagi memastikan sistem perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan efisien melalui pelaksanaan EKSA yang berterusan. Justeru, setiap jawatankuasa memainkan peranan yang penting bagi memastikan pelaksanaan EKSA di institusi berjalan dengan lancar.

3.1 AKTIVITI JAWATANKUASA PROMOSI EKSA PMBS

3.1.1 PROGRAM BULAN EKSA 2020 SEPANJANG BULAN JULAI 2020

Jawatankuasa Promosi EKSA PMBS yang diketuai oleh Cik Fazika binti Hamid bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA di peringkat institusi bagi memupuk pemahaman mengenai konsep dan amalan EKSA kepada semua warga PMBS. Di samping itu, Jawatankuasa Promosi perlu memastikan setiap pelan promosi yang dilaksanakan adalah membantu ke arah membina kesedaran amalan EKSA kepada semua warga kerja.

Program Bulan EKSA PMBS 2020 sebagai contoh, dilaksanakan bagi menggalakkan semua warga PMBS bergiat aktif dan memahami pelaksanaan EKSA dengan lebih mendalam. Program ini dijalankan selama sebulan iaitu sepanjang bulan Julai tahun 2020. Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah seperti Pertandingan Pertandingan Rekacipta dan Inovasi terbaik, Pertandingan Reka Bentuk Baju EKSA Terbaik, Kajian Soal Selidik untuk warga PMBS bagi mengetahui tahap pemahaman mengenai EKSA, Pertandingan Zon / Stesen / Bilik Pegawai Terbaik / Sudut EKSA Terbaik, Laci Terbaik, Anugerah Bumi dan Audit Dalaman EKSA Bil 1/2020.



3.1.2 PERTANDINGAN KUIZ EKSA PMBS 12 MAC 2021

JK Promosi dan JK Latihan EKSA telah bekerjasama mengadakan Pertandingan Interaktif EKSA 2021 melalui aplikasi Quizziz bagi warga kakitangan PMBS. Pertandingan ini juga dapat membantu menguatkan lagi pemahaman kepada staf yang terlibat mengenai informasi berkenaan EKSA dan sekaligus menjadi aspirasi kepada warga PMBS termasuk pihak pengurusan tertinggi untuk terus komited dalam pelaksanaan EKSA, dan seterusnya berjaya mendapatkan pensijilan semula EKSA pada tahun yang sama. Hasil pertandingan kuiz ini dapat mewujudkan sikap bekerjasama dalam kumpulan atau organisasi bagi mencapai visi dan misi EKSA.



3.1.3 PROGRAM GERAK GEMPUR PMBS MAC 2021 – OKTOBER 2021

Program ini dapat memberi kesedaran kepada pihak PMBS mengenai amalan EKSA yang betul serta dapat mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif untuk semua warga PMBS. Program gerak gempur seperti ini juga dapat memberikan nilai tambah kepada pihak PMBS dan dapat membantu semua untuk mengingatkan segala peraturan dan patuh kepada garis panduan EKSA seperti yang telah ditetapkan. Amaran diberikan kepada staf yang melanggar garis panduan EKSA tersebut dan seterusnya kompaun akan dikenakan kepada pegawai tersebut sekiranya amaran yang diberikan sebelumnya tidak diendahkan dan tiada penambahbaikan dilakukan.

MEMO DALAMAN	
Daripada	Timbalan Pengerah
Kepada	Semua Staf
Salinan Kepada	pengerah, Penyelaras EKSA, Fasilitator EKSA
Tarikh	1 Mac 2021
Rujukan	PMBS/100/04/07 Jld 2 (14)
Perkara	KOMPAUN KETIDAKPATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN EKSA BAGI ASPEK RUANG KERJA DAN BILIK PEGAWAI
Tuan / Puan,	
Saya dengan hormatnya menjemput kepada perkara di atas.	
2. Sehubungan dengan itu, pegawai yang tidak mengikut garis panduan EKSA yang telah ditetapkan (rujuk lampiran 1) akan dikenakan :	
Amaran Pertama	Bagi ketidakpatuhan garis panduan kali pertama.
Kompaun RM2.00	Bagi ketidakpatuhan garis panduan kali kedua.
3. Selain itu, semua pegawai termasuk pengurusan tertinggi dilarang melanggar AJK Promosi yang dilantik untuk membuat pemantauan terhadap kepatuhan garis panduan EKSA.	
4. Segala perhatian dan kerjasama berterusan daripada pihak tuan/puan diucapkan jutaan terima kasih.	
Sekian.	
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"	
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"	
Saya yang menjalankan amanah,	
(YAP TEE CHUAN)	
Timbalan Pengerah	
Politeknik METRO Betong Sarawak	



3.1.4 PERTANDINGAN BILIK PEGAWAI TERBAIK/ LACI PEGAWAI TERBAIK/ RUANG KERJA PEGAWAI TERBAIK 15 APRIL 2021



Sempena kempen EKSA PMBS dan usaha dalam membudayakan EKSA di kalangan warga PMBS, Jawatankuasa Promosi EKSA PMBS 2021 telah menganjurkan pertandingan laci, kubikel dan bilik terbaik. Pertandingan ini terbuka kepada pensyarah serta staf pengurusan PMBS.

Aktiviti ini diadakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti dan produktif melalui amalan EKSA di kalangan warga PMBS. Pemenang bagi kubikel pegawai terbaik adalah Puan Muzailina Binti Muslimin, Puan Jacquelyne Ekot dan Puan Emilyn anak Nojen. Pemenang bagi pertandingan bilik pegawai terbaik pula adalah Encik Mohamad Taher bin Kasa, Puan Hanini Binti Marzuki dan Encik Suhaili bin Aleh. Manakala bagi pemenang laci pegawai adalah Puan Lydia Desmond Bangga, Puan Muzailina Binti Muslimin dan Puan Jessica anak Jawa.



3.1.5 PERTANDINGAN SELFIE/WEFIE EKSA



Pertandingan yang telah diadakan pada 10 Ogos sehingga 16 Ogos 2021 ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada semua warga institusi. Objektif pertandingan ini ialah memberi rasa tanggungjawab kepada staf untuk menjaga tempat yang dipertanggungjawabkan dengan baik. Terdapat tiga pemenang bagi kategori selfie iaitu Encik Muhammad Qastari Syamim bin Abdullah, Encik Mohamad Shukri bin Muda dan Encik Larnerdo anak John French Udin, manakala Puan Muzailina Binti Muslimin bersama Aren Lah Keding, Ahli Jawatankuasa Zon B dan Unit Pentadbiran PMBS telah merangkul kejuaraan dalam kategori Wefie

3.1.6 KEMPEN EKSA JOM KEMAS PEJABAT




JK Promosi telah mengadakan Kempen Promosi EKSA 2021 pada 14 Oktober 2021. Program ini adalah persediaan staf bagi menghadapi Audit Pensijilan Semula EKSA. Objektif Kempen ini diadakan adalah untuk memberi aspirasi kepada pihak PMBS untuk terus komited dalam pelaksanaan EKSA seterusnya berjaya mendapatkan pensijilan EKSA di masa akan datang. Antara hasil daripada Kempen ini dijalankan ialah mewujudkan sikap kerjasama semua staf PMBS.

3.1.7 E-POSTER EKSA KATEGORI PELAJAR



Selain dari memupuk kesedaran dan mengadakan latihan bagi warga kerja PMBS, JK Promosi turut juga mengadakan pertandingan E-Poster tahun 2021 bagi kategori pelajar. Pertandingan yang diadakan pada 30 Ogos 2021 ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan EKSA disamping peranan mereka sebagai persediaan untuk menghadapi Audit Pensijilan Semula EKSA yang telah dilaksanakan pada dijadualkan pada tahun ini. Objektif pertandingan ini adalah menilai keberkesanan pelajar mengamalkan EKSA dalam rutin harian ditempat PMBS dan garis panduan EKSA yang telah ditetapkan. Tempat pertama telah dimenangi oleh Ernawati Binti Tamarin, manakala tempat kedua disandang oleh Ashley Lydella anak Jidi dan tempat ketiga dimenangi oleh Carolina Ita anak Ah Hong.

3.2 AKTIVITI JAWATANKUASA LATIHAN EKSA PMBS



Jawatankuasa Latihan EKSA PMBS bertanggungjawab menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk kesedaran EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi. Jawatankuasa ini yang diketuai oleh Encik Anderian Baling anak Piang berperanan untuk menentukan jenis latihan yang diperlukan dari masa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti pelaksanaan EKSA.

3.2.1 TAKLIMAT DALAMAN EKSA PMBS

Pada 9 Mac 2021, bagi memberikan kefahaman awalan kepada warga kolej tentang pelaksanaan EKSA, bengkel pengenalan & pelaksanaan EKSA telah dilaksanakan yang melibatkan semua staf pentadbiran dan akademik. Intipati bengkel ini adalah taklimat pengenalan dan taklimat keseragaman EKSA. Taklimat pengenalan telah disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa Latihan, Encik Mohamad Shukri Bin Muda dimana beliau menjelaskan tentang kepentingan dan strategi pelaksanaan EKSA kepada PMBS dan seterusnya menyeru kerjasama dari semua warga PMBS ke arah pensijilan cemerlang.



TAKLIMAT EKSA SEBELAH PETANG YANG DISAMPAIKAN OLEH CIK NORAZIMAH BINTI MEJRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DAN STAF KEBERSIHAN PMBS (SESI 2)


Semasa taklimat dijalankan, sesi soal jawab bersama Encik Anderian Baling Anak Piang juga turut diadakan dan antara intipati yang dibincangkan adalah mengenai pendedahan dan sedikit informasi mengenai pengauditan EKSA dan kaedah untuk membudayakan EKSA bagi tahun 2021.

Taklimat yang sama juga turut disampaikan kepada petugas kebersihan dan keselamatan PMBS. Melalui taklimat ini, semua petugas kebersihan dan keselamatan PMBS dilibatkan bersama bagi melahirkan masyarakat yang memahami cara dan kaedah amalan EKSA yang berterusan agar pelaksanaan amalan EKSA terus menjadi amalan dikalangan kakitangan dan pelajar PMBS. Taklimat sesi 2 yang diadakan pada hari yang sama disampaikan oleh Cik Norazimah binti Mejri. Penglibatan petugas kebersihan khususnya dan keselamatan amnya memberi impak yang tinggi ke arah pelaksanaan EKSA kerana mereka yang melaksanakan proses kebersihan di PMBS.

3.2.2 LATIHAN AUDIT EKSA PMBS

Pada 19 Ogos 2021, satu latihan audit dalaman berkaitan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan khusus buat warga Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Latihan ini dihadiri seramai 51 orang peserta iaitu terdiri daripada staf-staf akademik dan sokongan pentadbiran PMBS. Latihan ini diadakan sebagai persediaan awal menjelang pengauditan EKSA oleh MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia Sarawak) disamping memberi pendedahan mengenai proses Audit Dalaman EKSA kepada semua warga PMBS.

Kaedah latihan ini disampaikan secara maya melalui Google Meet oleh Encik Anderian Baling Anak Piang (Sesi 1 – Pengenalan EKSA) dan Encik Gregory Evan Anak Nanson (Sesi 2 – Pemarkahan EKSA) yang merupakan Auditor yang diiktiraf oleh INTAN Sarawak bagi EKSA. Program Latihan Audit EKSA bagi kedua-dua sesi kali ini telah mendapat respon yang positif daripada semua peserta dan semua warga PMBS telah memberikan komitmen yang tinggi sepanjang latihan diadakan.



SESI AUDIT EKSA YANG DIJALANKAN DAN DIBAHAGIKAN KEPADA 2 SESI DI GOOGLE MEET



WARGA PMBS YANG TERLIBAT DALAM LATIHAN AUDIT EKSA POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK



SESI LATIH AUDIT EKSA DIJALANKAN MENERUSI GOOGLE MEET



SESI 2 BAGI CARA – CARA MENULIS PENEMUAN AUDIT EKSA (AUDIT DALAMAN) YANG DITERANGKAN OLEH ENCIK GREGORY EVAN ANAK NANSON)

3.3 AKTIVITI PASUKAN AUDIT EKSA PMBS

Pasukan audit dalaman EKSA telah melaksanakan proses pengauditan sepanjang tahun 2020 dan 2021 adalah bertujuan untuk memastikan budaya dan amalan EKSA diamalkan oleh semua warga institusi PMBS serta mencapai pengiktirafan EKSA cemerlang.

Proses pengauditan berlangsung selama 2 hari setiap sesi yang diketuai oleh Ketua Pasukan Audit EKSA PMBS, Encik Rossi Gundie Anak Julius, dan dibantu oleh Cik Farah Nadia Binti Mohd Hasnu, Cik Fazidah Binti Sahadan, Encik Budi Bin Syaripuddin dan Encik Gregory Evan Anak Nanson. Proses ini telah membantu pihak PMBS mengenalpasti ketidakpatuhan kepada prinsip amalan EKSA selain memberi peluang penambahbaikan kepada ruang dan zon yang terlibat.

AUDIT DALAMAN BILANGAN 2 (14 OKTOBER – 15 OKTOBER 2020)





3.4 SOROTAN AKTIVITI-AKTIVITI KE ARAH PENSIJILAN SEMULA EKSA

Program Gotong Royong diadakan bagi melaksanakan aktiviti pembersihan di sekitar kawasan bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan di dalam komponen Pensijilan EKSA. Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan EKSA PMBS yang wajib dilaksanakan dua kali setahun. Persekitaran PMBS yang ceria dan bersih akan memberi keselesaan dan menggambarkan kecintaan serta kerjasama dan profesionalisme yang tinggi dikalangan warga PMBS. Keceriaan dan kebersihan kawasan PMBS adalah penting bagi meningkat mutu perkhidmatan kerana mempunyai ruang kerja dan persekitaran yang ceria, tenang dan selesa membantu ke arah produktiviti unggul untuk mencapai visi dan misi PMBS.

PEMBAHAGIAN ZON EKSA PMBS

Kerja pembersihan dijalankan mengikut zon yang telah ditetapkan dan merangkumi beberapa Kawasan seperti berikut:

Zon A : Bangunan pentadbiran PMBS yang merangkumi pejabat pentadbiran, ruang pensyarah dan perpustakaan


Zon B : Bangunan Akademik PMBS yang merangkumi Sri Metro Gemilang, bilik kuliah dan bilik teknologi



GOTONG-ROYONG SEMPENA AUDIT DALAMAN EKSA BIL.1/2020 PADA 15 - 16 JUN 2020

Secara keseluruhannya program ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara kakitangan malah ianya mampu memberi impak yang selari dengan objektif EKSA dan semangat kerjasama yang jitu di antara warga PMBS jua jelas terpancar.





GOTONG-ROYONG EKSA BIL.2/2020 DAN PELANCARAN KEMPEN KITAR SEMULA PADA 9 OKTOBER 2020

Jawatankuasa Induk EKSA PMBS telah melancarkan kempen kitar semula sempena gotong royong tahunan Bil.2/2020. Kempen ini diadakan dalam usaha memupuk kesedaran warga PMBS terhadap kepentingan amalan kitar semula terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Jawatankuasa Induk EKSA PMBS telah melancarkan kempen kitar semula sempena gotong royong tahunan Bil.2/2020.

Kempen ini diadakan dalam usaha memupuk kesedaran warga PMBS terhadap kepentingan amalan kitar semula terhadap pemeliharaan alam sekitar. Setiap ketua zon mengetuai aktiviti-aktiviti pembersihan yang dijalankan di zon masing-masing dan beberapa kumpulan kecil dibentuk bagi memudahkan pembahagian tugas serta pemantauan dapat dijalankan secara lebih sistematik.

Pada tahun 2021 pula, aktiviti gotong-royong EKSA di PMBS turut dilakukan sebanyak dua kali. Namun begitu, sebelum gotong-royong yang pertama dilaksanakan, kuiz interaktif EKSA yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Promosi dan Latihan EKSA PMBS turut dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk menguji kefahaman warga PMBS berkenaan EKSA secara amnya.






STAF PENTADBIRAN DAN STAF AKADEMIK PMBS SEDANG KHUSYUK MENJAWAB SOALAN KUIZ EKSA YANG DIJALANKAN SEBELUM GOTONG-ROYONG INDUK BIL.1/2021

GOTONG-ROYONG INDUK EKSA BIL.1/2021 12 MAC 2021




GOTONG-ROYONG EKSA BIL.1/2021 ZON A PADA 19 OGOS 2021

Gotong-royong kedua EKSA PMBS diadakan secara bergilir mengikut zon. Zon A mengadakan gotong royong pada 19 Ogos 2021 manakala Zon B pada 20 Ogos 2021. Ini bagi menjaga prosedur operasi standard untuk penjarakan sosial bagi membendung wabak Covid-19 di tempat kerja.



Selain itu, gotong royong itu diadakan bagi persediaan sebelum audit dalaman dijalankan dan persediaan untuk persijilan semula EKSA PMBS yang dijadualkan dilaksanakan pada November 2021 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia Sarawak (MAMPU).



GOTONG-ROYONG EKSA BIL.1/2021 ZON B PADA 20 OGOS 2021



3.4.1 AKTIVITI ZON A

3.4.1.1 LATIHAN SUSUN RUANGAN BILIK STAF

Latihan ini yang telah diadakan pada 27 Oktober 2021 merupakan inisiatif EKSA Zon A bagi menambahbaik amalan EKSA di Zon A. Latihan ini dilakukan bertujuan untuk membantu ahli-ahli EKSA Zon A untuk memperbaiki dan mengekalkan amalan baik mengikut standard EKSA. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi, Puan Lydia anak Desmond Bangga telah memberi perkongsian tentang susun atur ruangan bilik staf dan memberi contoh cara susunan yang baik untuk dijadikan panduan ahli zon A dalam menyusun atur ruang kerja masing-masing.



Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Puan Agnes anak Buda mengemaskini ruangan kerja mengikut standard EKSA


Dengan adanya latihan sebegini, ianya dapat membantu memperbaiki amalan kemas, bersih dan tersusun di ruang kerja. Secara tidak langsung, amalan EKSA dapat diamalkan di samping aktiviti begini menguatkan lagi kerjasama yang baik sesama warga kerja PMBS sendiri.



Ketua Unit Hal ehwal pelajar, Puan Winne anak Chengai dan Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI), Puan Hanini binti Marzuki mengemaskini ruangan kerja mengikut standard EKSA

3.4.1.2 KEMASKINI KEW.PA-7 - BORANG SENARAI ASET ALIH BAGI ZON A


Pendaftaran aset adalah bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan terkini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui dan memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Selain itu, pengemaskinian daftar aset alih adalah penting sekiranya terdapat perubahan penempatan, perubahan nama pegawai penempatan, penambahan, penggantian, naik taraf aset, pemeriksaan aset alih, pindahan, serahan, pelupusan dan hapus kira aset. Justeru menyedari hal ini, ahli kumpulan zon A mengambil inisiatif untuk bersama-sama melakukan pengemaskinian daftar aset alih bagi persediaan kearah persijilan semula sijil EKSA PMBS.



SEKITAR AKTIVITI PENGEMASKINIAN KEW.PA-7 ZON A PADA 20 OKTOBER 2021

3.4.1.3 LATIHAN SUSUN ATUR KUBIKEL KERJA STAF

Latihan susun atur kubikel kerja staf ini dilakukan secara maya dan telah disertai oleh semua ahli Zon A. Puan Dayang Siti Hashimah binti Abang Julhi, Pembantu Tadbir telah dipilih untuk memberi latihan tersebut secara atas talian pada 18 Oktober 2021. Latihan ini merupakan inisiatif EKSA Zon A bagi memperbaiki amalan EKSA di Zon A. Selain itu, ia turut dilaksanakan bagi membantu ahli-ahli EKSA Zon A untuk memperbaiki dan mengekalkan amalan baik mengikut standard EKSA. Puan Dayang Siti Hashimah telah memberi perkongsian tentang susun atur kubikel staf dan memberi contoh cara susunan yang baik yang boleh diteladani oleh ahli-ahli zon. Manakala peserta pula dikehendaki untuk melakukan latihan susun atur di kubikel masing-masing.




SUSUN ATUR DI SALAH SATU RUANG KUBIKEL STAF SELEPAS MENJALANI LATIHAN PADA 18 OKTOBER 2021

3.4.1.4 LATIHAN SUSUN ATUR LACI STAF

Cik Jessica Anak Jawa, Penyelaras EKSA PMBS telah dipertanggungjawabkan untuk memberi latihan tersebut pada 16 Julai 2020. Latihan ini merangkumi semua kriteria berkenaan dengan susun atur laci melandaskan Buku Panduan EKSA. Susun atur alat tulis mestilah dibuat dengan kemas dan seragam samada di atas meja mahupun di dalam laci. Setiap ruangan laci mempunyai penggunaannya yang tersendiri.

Laci paling atas dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai menggunakan pembahagi yang telah dibekalkan. Laci tengah digunakan bagi menempatkan pelbagai dokumen dan alatan rasmi. Laci bawah digunakan bagi menempatkan alatan/barang peribadi seperti beg tangan, dompet, telefon bimbit, dan lain-lain.




3.4.1.5 PROGRAM GOTONG-ROYONG EKSA ZON A PMBS

Program ini merupakan inisiatif kumpulan Zon A bagi memperbaiki amalan EKSA di Zon A. Ia sekaligus dapat memberi kesedaran kepada ahli-ahli Zon A mengenai amalan EKSA yang betul dapat mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif. Gotong-royong kali ini tertumpu kepada susun atur barang-barang di stor pelancongan, melabel kawasan-kawasan yang berisiko di sekitar Zon A dengan label yang bersesuaian, kemaskini sudut EKSA Zon A serta mengatur kekemasan di Sri Metro Gemilang serta melabel barang-barang seperti kerusi dan meja yang diletakkan di sekitar kawasan tersebut.



3.4.1.6 LATIHAN CARA MENGIKAT DAN MENGEMAS KABEL KOMPUTER

Kekemasan ikatan kabel di kubikel adalah sangat penting bagi menampakkan kebersihan serta mewujudkan ruang kerja yang kondusif di kalangan pegawai sendiri. Justeru, mengambil kira faktor ini, ahli kumpulan Zon A mengambil inisiatif untuk mempelajari cara ikatan kabel yang betul dari Cik Fazika binti Hamid, Juruteknik Komputer PMBS.



3.4.1.7 LATIHAN KESEDARAN PENJIMATAN KADAR PENGGUNAAN ELEKTRIK

Latihan kesedaran penjimatan kadar penggunaan elektrik

Secara keseluruhannya, tahap kesedaran warga PMBS tentang penjimatan tenaga adalah pada tahap yang sangat baik. Ini sekaligus menunjukkan pihak pengurusan telah melaksanakan Tindakan yang baik bagi memastikan penjimatan tenaga elektrik dapat dilakukan.

Namun begitu latihan secara berterusan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa supaya warga institusi sentiasa peka dengan tanggungjawab masing-masing. Oleh itu, pada 11 Mac 2021, satu latihan kesedaran tentang penjimatan kadar penggunaan elektrik telah dilaksanakan oleh Encik Ahmad Nazrin bin Ab Aziz, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Dalam penggunaan tenaga elektrik, kita hendaklah memastikan penggunaannya dengan cekap dan bijak agar kita sentiasa dapat menikmati kemudahan ini dengan berterusan.



3.4.2 AKTIVITI ZON B

Aktiviti ahli kumpulan Zon B EKSA PMBS dimulakan dengan mesyuarat kumpulan. Mesyuarat pertama tahun 2020, iaitu 27 Februari 2020 dimulakan dengan pembentangan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan oleh Jawatankuasa EKSA Zon B. Di samping itu, pengerusi Zon juga memperkenalkan kepada para ahli Zon jawatankuasa EKSA bagi Zon B serta kawasan yang dipertanggungjawab kepada setiap ahli.



Manakala mesyuarat kedua Zon B telah dilaksanakan pada 28 April 2020 secara atas talian. Mesyuarat kali ini telah menerangkan keperluan EKSA di institusi serta ahli bertanggungjawab perlu sentiasa memastikan Kawasan jagaan dalam keadaan baik sebelum pemantauan dilakukan. Dalam mesyuarat ini juga, pengerusi telah menerangkan contoh-contoh amalam tidak baik dan baik EKSA kepada semua ahli.

3.4.2.1 TAKLIMAT JAWATANKUSA DAN SESI PERKONGSIAN IDEA INOVASI EKSA ZON B 2020

Taklimat Jawatankuasa EKSA Zon B 2020 telah dilaksanakan secara atas talian pada 10 Oktober 2020 secara atas talian. Walaupun kes pandemik pada tahap yang membimbangkan dan semua staf diarahkan untuk bekerja dari rumah, ianya bukan penghalang kepada ahli Jawatankuasa EKSA Zon B untuk meneruskan taklimat EKSA.

Taklimat EKSA ini merupakan suatu usaha untuk memantapkan perkongsian ilmu pengurusan pejabat dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi membantu meningkatkan produktiviti warga PMBS.

EKSA mampu transformasikan imej PMBS secara keseluruhan dengan mempamerkan imej yang lebih korporat selaras dengan perkembangan semasa sektor awam. Ia juga akan menyemarakkan aktiviti kreativiti di kalangan warga PMBS dan menggalakkan pembudayaan amalan hijau atau Go Green. Antara intipati lain dalam taklimat ini adalah mengenasi dasar, polisi, visi dan misi EKSA.

DASAR

MEMBUDAYAKAN EKSA UNTUK MEWUJUDKAN AMALAN KERJA YANG PRODUKTIF DAN KONDUSIF

POLISI

PMBS KOMITED DALAM MEMBUDAYAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BERKUALITI, KONDUSIF, DAN KREATIF KE ARAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MEMENUHI KEPUASAN PELANGGAN

VISI

KE ARAH MEMBUDAYAKAN EKSA DALAM KALANGAN WARGA PMBS

MISI

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BERKUALITI DAN PRODUKTIF MELALUI AMALAN EKSA DALAM KALANGAN WARGA PMBS

Amalan Hijau PMBS

SUHU
24°C

- ✓ Pastikan suhu penyaman udara 24°C sahaja.
- ✓ Pastikan tingkap/pintu sentiasa tertutup.

PADAM

- ✓ Tutup suis elektrik apabila meninggalkan bilik mesyuarat/ surau/ pejabat

AMALAN
3R

- ✓ Amalkan fikir dahulu sebelum buang.
- ✓ Gunakan peralatan pejabat dan kertas dengan jimat.



Selain itu, sesi perkongsian idea inovasi turut diadakan dan telah disampaikan oleh Ketua Zon EKSA Zon B, Puan Emilyn anak Nojen. Beliau telah berkongsi mengenai kepentingan inovasi di dalam EKSA dan ini merupakan inisiatif JK Latihan EKSA Peringkat Zon B yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua ahli Zon B untuk lebih yakin dalam menghasilkan produk yang berinovatif dan kreatif dalam mencapai salah satu kriteria EKSA iaitu kearah lebih berinovatif. Perkongsian ini juga diharap dapat mencungkil bakat kreatif dikalangan ahli Zon B dalam menghasilkan sesuatu produk yang lebih menarik dan kreatif.

Selain itu, perkongsian ini juga diharapkan dapat membantu memberi aspirasi kepada pihak PMBS untuk terus komited dalam pelaksanaan EKSA seterusnya berjaya mendapatkan pensijilan semula EKSA pada tahun 2021.

Sesi bertukar pendapat dan perkongsian idea ini dapat membuka mata JK EKSA Zon B untuk sentiasa peka dengan dasar, polisi, visi dan misi EKSA bagi sama-sama membantu PMBS untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif; meningkatkan imej korporat; menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi serta menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Amalan Hijau dan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif.

3.4.2.2 PERTANDINGAN PANTUN EKSA ZON B



Pada 25 hingga 27 Ogos 2021, seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa EKSA Zon B telah menyertai pertandingan Pantun EKSA Peringkat Zon B PMBS.

Selain itu, pertandingan ini juga dapat membantu memberi aspirasi kepada pihak PMBS untuk terus komited dalam pelaksanaan EKSA seterusnya berjaya mendapatkan pensijilan EKSA di masa akan datang.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk menguji pengetahuan JK EKSA Zon B mengenai EKSA di PMBS, memberi ruang kepada JK EKSA Zon B untuk mengaplikasikan pengetahuan mengenai EKSA melalui pertandingan ini serta mewujudkan promosi EKSA yang bersifat kreatif bagi menarik minat orang ramai.

BERIKUT MERUPAKAN SENARAI PARA PEMENANG BAGI PERTANDINGAN PANTUN EKSA ZON B:



Tempat Pertama

PANTUN :
Sebab pulut santanterasa,
Sebab mulut badan binasa,
PRAKTIKAL MESRA BERSIH SELESA,
Slogan EKSA diamalkan sentiasa.

MUHAMMAD FIRDAUS

Tempat Kedua

PANTUN :
Mendidik jiwa penuh pro aktif,
Ilmu di kongsi meresap kehati,
EKSA di amal pejabat kondusif,
Lahirilah warga khidmat berkualiti.

AFIFAH BOLHASSAN

Tempat Ketiga

PANTUN :
Duduk di laman memakan laksa,
Orang Gemas datang bertandang,
Ayuh teman kita berEKSA,
Meja kemas hati pun senang

Orang Gemas datang bertandang,
Membawa seroja dengan suasa,
Meja kemas hati pun senang,
Semua kerja lancar sentiasa.

Membawa seroja dengan suasa,
Letak di titi bersama raebutan,
Semua kerja lancar sentiasa,
Cemerlang pasti menjadi ikutan.

AGNES ANAK BUDA

3.4.2.3 PERTANDINGAN QUIZZIZ EKSA ZON B



Pertandingan QUIZZIZ EKSA Peringkat Zon B Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) turut diadakan pada 27 Ogos 2021. Pertandingan ini dilaksanakan bagi mengetahui tahap pemahaman JK Zon B mengenai EKSA secara keseluruhannya. Pertandingan ini dapat memberi kesedaran kepada JK EKSA Zon B PMBS mengenai pengamalan EKSA yang betul serta dapat mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan dengan agensi sektor awam di Malaysia.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk :

- Menguji pengetahuan JK EKSA Zon B mengenai EKSA di PMBS.
- Memberi ruang kepada JK EKSA Zon B untuk mengaplikasikan pengetahuan mengenai EKSA melalui Pertandingan QUIZZIZ EKSA.
- Mengukuhkan pengetahuan berkaitan EKSA di kalangan JK EKSA Zon B PMBS.



Tahniah diucapkan kepada para pemenang.

Tempat Pertama: Puan Nur Faizah Binti Zamzam

Tempat Ke-2: Puan Hanini Binti Marzuki

Tempat Ke-3: Puan Ruzaini Bt Abd Razak

3.4.2.4 TAKLIMAT KESEDARAN EKSA ZON B





Taklimat Kesedaran EKSA Zon B telah dilaksanakan pada 3 September 2021 secara atas talian. Taklimat ini telah dihadiri oleh semua ahli Zon B dan telah dipengerusikan oleh Puan Emilyn Nojen, Ketua Zon B. Penganjurkan Taklimat Kesedaran Dan Pembudayaan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon B ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan membudayakan amalan EKSA secara konsisten di kalangan warga PMBS.

Dalam taklimat ini, pengerusi berharap agar semua ahli Zon B akan dapat bekerjasama menjadikan amalan EKSA sebagai budaya dalam menjadikan Zon A dan Zon B sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa sekaligus menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih baik. Sesi diteruskan dengan perkongsian dari Encik Anderian Baling selaku Ketua JK Latihan EKSA. Beliau telah menyentuh pelbagai aspek berkaitan perancangan dan halatuuju pelaksanaan EKSA di PMBS. Antara skop penerangan beliau termasuk latar belakang EKSA PMBS, kriteria penilaian EKSA, amalan terbaik dan hasil kreativiti/ inovasi dalam pelaksanaan EKSA. Taklimat yang berlangsung selama 1 jam 30 minit ini telah banyak merungkai kekeliruan dan memberi panduan bagi kejayaan pelaksanaan EKSA di PMBS. Sesi soal jawab dan perkongsian pandangan dari ahli zon yang hadir telah dapat memberi kefahaman mengenai gerak kerja EKSA di Zon B.

3.4.2.5 MESYUARAT JAWATANKUASA ZON B 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Zon B EKSA yang pertama telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2021 secara bersemuka di Bilik Mesyuarat 2, PMBS, manakala mesyuarat kedua pada 20 Ogos 2021 dan mesyuarat ketiga pada 25 Oktober 2021. Dalam mesyuarat ini, pelbagai isu telah diutarakan. Antaranya pertukaran orang yang bertanggungjawab bagi sesetengah tempat serta penjahgaan kekemasan tempat yang telah dipertanggungjawabkan, isu penyelenggaraan, kemaskini informasi EKSA yang terkini, aktiviti gotong royong EKSA, dan banyak lagi.



3.4.2.6 GOTONG ROYONG ZON B

Penganjuran gotong royong atas Inisiatif Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon B PMBS pada 27 Ogos 2021 dilihat sebagai salah satu usaha dalam menyemai semangat sukarelawan semua ahli serta menghidupkan kembali amalan gotong royong dan kerjasama sepasukan. Aktiviti ini bukan sahaja tertumpu untuk membersihkan kawasan makmal komputer tetapi merangkumi seluruh bangunan Blok B, PMBS. Amalan gotong royong ini bukan sahaja membantu meringankan beban malah mengukuhkan ikatan silaturahim di antara satu sama lain. Hasil daripada aktiviti yang dijalankan ini, didapati banyak kawasan di sekitar Blok B kemas, bersih dan mematuhi kriteria EKSA.



4. PENSIJILAN SEMULA EKSA PMBS

4.1 PENSIJILAN SEMULA EKSA PMBS

Pensijilan semula EKSA PMBS telah dilaksanakan dengan baik pada bulan November 2021. Pengauditan yang dijalankan selama 3 hari bermula 16 November dan berakhir pada 18 November 2021 telah dilaksanakan oleh Pasukan Audit dari MAMPU yang terdiri daripada 3 orang pegawai, iaitu Puan Anny Lee Chiao Chen, Puan Noor Zaimah binti Zainiar dan Puan Azimah binti Apendi.

Sesi pengauditan ini dimulakan dengan sesi pembukaan audit, diikuti dengan semakan dokumen, lawatan penilaian dan diakhiri dengan sesi Exit Conference Audit Pensijilan EKSA.

4.2 PENUTUPAN AUDIT (EXIT CONFERENCE) PENSIJILAN SEMULA EKSA PMBS

Sesi pengauditan pensijilan semula EKSA PMBS telah dijalankan pada 18 November 2021. Dalam sesi ini, juruaudit telah membentangkan hasil penemuan yang merupakan dapatan daripada lawatan penilaian dan semakan dokumen yang dilaksanakan pada hari-hari sebelumnya. Amalan baik EKSA yang diamalkan oleh PMBS dan penambahbaikan yang perlu dilakukan merupakan topik utama sesi penutupan ini.

Sesi penutupan audit tersebut berakhir dengan pemberian cenderahati yang telah disampaikan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili Bin Aleh kepada juruaudit-juruaudit yang terlibat.





4.3 PENSIJILAN SEMULA EKSA PMBS 2021 – KATEGORI CEMERLANG

Berkat usaha dan kegigihan yang berterusan, Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) telah dipersijilkan kategori EKSA Cemerlang yang diiktiraf oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah MAMPU Malaysia pada 1 Disember 2021.

Penerapan EKSA di PMBS telah mencapai objektif utama iaitu peningkatan imej PMBS dalam memupuk semangat kerja berpasukan dan pembangunan inovasi, idea serta kreativiti bagi mengiktiraf usaha setiap individu atau kumpulan secara berterusan.





JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

**POLITEKNIK METrO BETONG
SARAWAK**

telah memenuhi keperluan kriteria komponen

**EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
(EKSA)**

Kategori : CEMERLANG

Tarikh dikeluarkan : 1 Disember 2021

Sah sehingga : 30 November 2023



DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

5.0 PENUTUP

Amalan EKSA merupakan katalis dalam pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif, bersih, selesa dan selamat. Melalui EKSA, semangat kerjasama, persaingan sihat dan nilai organisasi yang positif dapat dipupuk di kalangan warga PMBS. EKSA juga dapat meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan sumber dengan lebih efisien dan kos yang efektif.

Namun begitu, semua ini tidak akan dapat dikecapi sekiranya tiada sokongan dan kerjasama dari semua warga institusi. Setiap pegawai perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menjaga Kawasan yang telah dipertanggungjawabkan. Auditan berkala juga mampu memastikan amalan EKSA institusi adalah berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh MAMPU.

Oleh itu, pelaksanaan EKSA yang berkesan dapat diterapkan ke dalam budaya kerja warga PMBS disamping mewujudkan persekitaran yang tampak lebih professional dan kondusif.



RUJUKAN

Garis Panduan EKSA PMBS 2020

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2015). Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Retrieved from https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/11/Panduan_Pelaksanaan_EKSA.pdf





Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baharu Betong,
Jalan Baharu Betong,
95700, Betong, Sarawak



<https://www.pmbs.edu.my/v3/>



<https://www.facebook.com/PMBSEdu>



adminpmbs@pmbs.edu.my



[politeknikmetrobetong](#)




083-472676



083-472991

eISSN 2948-3840



9 7 7 2 9 4 8 3 8 4 0 0 9

